

# ***AL-RŪH MENURUT IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH***

Oleh:

Rohaida Abdul Rahim\*

Asmadi Ya'kub<sup>+</sup>

## **Abstract**

*This article discusses al-rūh in term of definition and discussion on several Qur'ānic verses and al-Hadīth. It also examines Ibn Qayyim al-Jawziyyah views on al-rūh based on his writing entitled, “al-Rūh fī Kalām ‘alā al-Aḥyā’ bi al-Dalā'il min al-Kitāb wa al-Sunnah wa al-Āthār wa Aqwāl al-‘Ulamā’”.*

## **PENDAHULUAN**

Persoalan roh adalah di antara himpunan soalan-soalan yang dikemukakan terhadap Rasulullah s.a.w. untuk mencabar kenabian dan kebenaran risalah Baginda yang mulia. Baginda Rasulullah s.a.w. menjawab persoalan ketika itu dengan ringkas seperti yang terdapat di dalam ayat 85, Surah al-Isra'.<sup>1</sup>

Cetusan daripada jawapan ringkas yang datang daripada Allah Taala sendiri menyebabkan berlakunya sedikit perselisihan pendapat para ulama' tentang maksud *al-rūh* pada ayat ini yang seterusnya mempersoalkan pula tentang hukum pengkajian roh manusia. Daripada perselisihan inilah timbulnya persoalan-persoalan tentang hakikat roh dan perkaitannya dengan kejadian manusia.

---

\* Rohaida Abdul Rahim (B.Us.), adalah calon Sarjana Usuluddin di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

+ Asmadi Ya'kub (PhD), adalah pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Perlis.

<sup>1</sup> Surah al-Isra' 17: 85.

## PENGERTIAN *AL-RŪH*

*Al-rūh* dan *al-rāwīh* berasal dari huruf yang sama<sup>2</sup> iaitu *rā'*, *waw* dan *hā*. Tetapi, penggunaan *al-rūh* lebih banyak merujuk kepada nafas dan juga istilah bagi sesuatu yang menyebabkan hidup, bergerak, memperoleh manfaat dan juga mengelak daripada kemudharatan.<sup>3</sup>

Kalimah *al-rūh* mempunyai pelbagai makna. *Al-rūh* boleh dertiakan dengan makna nyawa, malaikat Jibril, satu malaikat yang besar yang apabila berdiri bersamaan dengan satu saf malaikat yang lain, hembusan angin, Nabi Ūsā al-Masīh, kalam Allah dan rahmat Allah.

Di dalam Bahasa Melayu, *al-rūh* diungkapkan sebagai roh. Roh ialah bahagian dalam manusia yang mempunyai daya berfikir (berperasaan, berkemahanuan), jiwa dan juga benda hidup tidak berjasad yang berfikiran dan berperasaan (malaikat, jin, syaitan dan lain-lain) dan kiasan kepada semangat dan jiwa.<sup>4</sup>

Dalam konteks *al-rūh* sebagai sesuatu yang menyebabkan jasad hidup,<sup>5</sup> bergerak, memperolehi manfaat dan juga mengelak daripada kemudharatan, *al-rūh* dibahagikan kepada roh *insānī* dan roh *hayawānī*.<sup>6</sup> Roh insani ditakrifkan dengan suatu unsur halus yang dapat mengetahui dan memperolehi ilmu, dimiliki oleh manusia, yang terdiri daripada roh *hayawānī* yang membuatkan akal menjadi lemah daripada mengetahui hakikat roh tersebut. Roh hayawani ditakrifkan sebagai satu jisim yang halus, tempatnya ialah di ruang kosong hati, dan beredar ke seluruh badan melalui saluran-saluran darah.<sup>7</sup>

<sup>2</sup> Al-Dīnāwārī, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Muslim Qutaybah (t.t), *Ta‘wil Mushkil al-Qur’ān*, Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, h. 485

<sup>3</sup> Al-Asfahānī, Abū al-Qāsim al-Ḥusayn bin Muḥammad al-Rāghib (t.t), *al-Mufradāt fī Ghariṣ al-Qur’ān*, Beirut: Dār al-Ma’rifah, h.205

<sup>4</sup> Hajah Noresah bt. Baharom *et al.* (ed) (2002.), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1146

<sup>5</sup> Marzuq, ‘Abd al-Ṣabūr (ed) (1996M/1415H), *Mu’jam al-A`lām wa al-Mawdū’at fī al-Qur’ān al-Karīm*, J. 2, Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 692

<sup>6</sup> Al-Jurjānī, al-Sayyid al-Sharīf Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad al-Humaynī (2000M/1421H), *al-Ta’rīfāt*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah, h. 115-116

<sup>7</sup> *Ibid.*

## KALIMAH AL-RŪH DI DALAM AL-QUR’AN

Perkataan *al-rūh* disebut dua puluh satu tempat<sup>8</sup> di dalam al-Qur'an dengan membawa makna yang berbeza, iaitu: *al-rūh* yang merujuk kepada makhluk yang mempunyai roh, *al-rūh* yang merujuk kepada roh yang ditiup ke dalam jasad manusia dan juga *al-rūh* yang merujuk kepada perkara-perkara yang mengandungi makna perintah atau urusan. Berikut adalah beberapa contoh ayat al-Qur'an yang menggunakan kalimah *al-rūh*:

### i. Makhluk Yang Mempunyai Roh

Pertama, membawa maksud malaikat seperti di dalam ayat berikut:<sup>9</sup>

فَاتَّخَذْتُ مِنْ دُونِهِمْ حِجَابًا فَأَرْسَلْنَا إِلَيْهَا رُوحًا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرًا سَوِيًّا

*Kemudian Maryam membuat dinding untuk melindungi dirinya dari mereka maka Kami hantarkan kepadanya: Roh dari Kami lalu ia menyamar diri kepadanya sebagai seorang lelaki yang sempurna bentuk kejadiannya.*

Kedua, malaikat Jibril:<sup>10</sup>

يَوْمَ يَقُومُ الرُّوحُ وَالْمَلَائِكَةُ صَفًا لَا يَنَّكِلُمُونَ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَقَالَ صَوَابًا

*[Tambahkan pula [pada masa Jibril dan malaikat-malaikat yang lain berdiri bersaf-saf [menunggu perintah Tuhan], tidak ada yang berani berkata-kata [memohon pertimbangan] melainkan yang telah diizinkan baginya oleh Tuhan Yang Maha pemurah, serta ia berkata benar.*

### ii. Roh Yang Ditiup Ke Dalam Jasad Manusia.

Pertama, roh di dalam badan manusia.<sup>11</sup>

ثُمَّ سَوَّيْهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوحِهِ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَا تَشْكُرُونَ

*Kemudian Ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: roh ciptaannya. Dan Ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati [akal fikiran], [supaya kamu bersyukur, tetapi] amatlah sedikit kamu bersyukur.*

<sup>8</sup> Dr. Aisyah Bintu Syati (1999), *Manusia Dalam Perspektif al-Qur'an* (terj), Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus, h. 152.

<sup>9</sup> Surah Maryam 19:17.

<sup>10</sup> Surah al-Nabā' 78: 38.

<sup>11</sup> Surah al-Sajdah 32: 9.

Kedua, ayat tentang Maryam dan Nabi `Isā a.s.<sup>12</sup>

وَالَّتِي أَحْصَنْتُ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهَا مِنْ رُوحِنَا وَجَعَلْنَاهَا وَابْنَهَا إِبَةً لِلْعَالَمِينَ

Dan [sebutkanlah peristiwa] perempuan yang telah menjaga Kehormatan dan kesuciannya; lalu Kami tiupkan padanya dari Roh [ciptaan] Kami, dan Kami jadikan dia dan anaknya sebagai satu tanda [yang menunjukkan kekuasaan Kami] bagi umat manusia.

Ketiga, Nabi `Isā a.s.<sup>13</sup>

يَأَهْلَ الْكِتَابَ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحُقْقُ إِنَّمَا الْمُسْبِحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ رَسُولُ اللَّهِ وَكَلِمَتُهُ الْقَيْهَا إِلَى مَرْءَمَ وَرُوحٌ مِّنْهُ فَأَمْنَوْا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَلَا تَقُولُوا ثَلَاثَةُ أَنْتَهُوا خَيْرَ الْكُمْ إِنَّمَا اللَّهُ إِلَهٌ وَحْدَهُ سُبْحَانَهُ أَنْ يَكُونَ لَهُ وَلَدٌ لَّهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَكَفَى بِاللَّهِ وَكَيْلًا

Wahai Ahli Kitab [Yahudi dan Nasrani!] Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar; sesungguhnya al-Masīh `Isā Ibn Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah dan Kalimah Allah yang telah disampaikanNya kepada Maryam, dan [ia juga tiupan] roh daripadaNya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasulNya, dan janganlah kamu mengatakan: “[Tuhan itu] tiga”. Berhentilah [daripada mengatakan yang demikian], supaya menjadi kebaikan bagi kamu. Hanyasanya Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa, Maha Suci Allah daripada mempunyai anak. Bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan cukuplah menjadi Pengawal [Yang Mentadbirkan sekalian makhlukNya].

### iii. Perkara Yang Mengandungi Makna Perintah atau Urusan.

Pertama, bermaksud wahyu daripada Allah Taala.<sup>14</sup>

رَفِيعُ الدَّرَجَاتِ ذُو الْعَرْشِ يُلْقِي الرُّوحَ مِنْ أَمْرِهِ عَلَى مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ لِيُنْذِرَ يَوْمَ التَّلَاقِ

Dialah Yang Maha Tinggi darjat kebesaranNya, yang mempunyai ‘Arasy [yang melambangkan keagungan dan kekuasaanNya]; Ia memberikan wahyu dari hal perintahNya kepada sesiapa yang

<sup>12</sup> Surah al-Anbiyā’ 21:91.

<sup>13</sup> Surah al-Nisā’ 4:171.

<sup>14</sup> Surah Ghāfir 40: 15.

dikehendakinya di antara hamba-hambanya [yang telah dipilih menjadi Rasulnya], supaya Ia memberi amaran [kepada manusia] tentang hari pertemuan.

Kedua, bermaksud al-Qur'an al-Karim.<sup>15</sup>

وَكَذِلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا مَا كُنْتَ تَدْرِي مَا الْكِتَبُ وَلَا الْأَيْمَنُ وَلَكِنْ جَعَلْنَاهُ نُورًا نَهِدِي بِهِ مَنْ نَشَاءُ مِنْ عِبَادَنَا وَإِنَّكَ لَتَهِدِي إِلَى صِرَاطَ مُسْتَقِيمٍ

Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu [Muhammad] -al-Qur'an sebagai roh [yang menghidupkan hati] perintah Kami; engkau tidak pernah mengetahui [sebelum diwahyukan kepadamu]: apakah Kitab [al-Qur'an] itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu; akan tetapi Kami jadikan al-Qur'an: cahaya yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau [wahai Muhammad] adalah memberi petunjuk dengan al-Qur'an itu ke jalan yang lurus.

## KALIMAH AL-RŪH DI DALAM HADITH

Di dalam Hadith-hadith Nabi s.a.w., penggunaan kalimah *al-rūh* membawa maksud roh manusia.

Pertama, Hadith berkenaan proses kejadian manusia.<sup>16</sup>

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمُصْدُوقُ: إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ يُرْسَلُ إِلَيْكَ فَبَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ

Maksudnya: Diriwayatkan daripada 'Abd Allāh [bin Mas'ūd r.a] katanya: Rasulullah s.a.w. seorang yang benar serta dipercayai bersabda: Kejadian seseorang itu dikumpulkan di dalam perut ibunya selama empat puluh hari. Sebaik sahaja genap empat puluh hari kali kedua terbentuklah segumpal darah beku. Manakala genap empat puluh hari kali ketiga bertukar pula menjadi seketul daging. Kemudian

<sup>15</sup> Surah al-Shūrā 42:52.

<sup>16</sup> Muslim, *Sahīḥ Muslim*, Kitāb al-Qadr, Bāb Khalq Bani Ādam fī Baṭn Ummih, No. 4781; al-Bukhārī, *Sahīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Awwal al-Khalq, No. 2969.

Allah S.W.T mengutuskan malaikat untuk meniupkan roh... (hingga akhir Hadith).

Kedua, Hadith *sabab nuzūl* (sebab penurunan) bagi ayat 85 daripada Surah al-Isrā' yang bermaksud:<sup>17</sup>

*Ketika kami berjalan-jalan bersama Rasulullah s.a.w. di sekitar Madinah, dan Baginda [ketika itu] bertongkatkan pelepah [tamar]. Lalu, kami menempuhi satu kumpulan Yahudi. Sebahagian mereka berkata kepada yang lain: Tanyalah kepadanya tentang al-ruh. Sementara, sebahagian yang lain pula berkata: Jangan kamu tanya kepadanya, kemungkinan nanti dia memberikan jawapan yang kamu tidak suka. Kata sebahagian yang lain: Kita tanya kepadanya. Lalu, bangunlah seorang lelaki dan berkata: Wahai Abū al-Qāsim, apakah itu al-rūh? Rasulullah s.a.w. berdiam diri, maka ketahuilah aku bahawa Baginda sedang menerima wahyu, Baginda bersabda [dengan ayat]: (Dan mereka bertanya kepadamu wahai Muhammad tentang roh. Katakanlah: Roh itu termasuk dalam urusan Tuhanmu dan kamu hanya diberi sedikit sahaja ilmu pengetahuan).*

Ketiga, Hadith berkenaan Maryam dan Nabi `Īsā a.s.<sup>18</sup>

حَدَّثَنَا عُبَادَةُ بْنُ الصَّابِيْرِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قَالَ أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَأَنَّ عِيسَى عَبْدُ اللَّهِ وَابْنُ أُمَّتِهِ وَكَلِمَتُهُ الْقَاتِلَةُ إِلَى مَرْءَةٍ وَرُوحٍ مِنْهُ ...

*Diriwayatkan daripada ‘Ubādah bin al-Sāmit r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesiapa yang mengucap aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa tiada sekutu bagiNya dan Muhammad hambaNya dan pesuruhNya dan Nabi `Īsā adalah hamba Allah dan anak hambaNya dan kalimahNya [iaitu Nabi `Īsā a.s. dijadikan oleh Allah tidak berbapa hanya dengan kalimah KUN, maka jadilah dia] yang disampaikan kepada Maryam dan juga tiupan Roh daripadaNya....*

<sup>17</sup> Al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb `Ilm, Bāb Firmān Allāh: (wa mā ūtitum min al-‘ilm illā qalīlā), No. Hadith: 125.No.122; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb Tafsīr al-Qur’ān, No. 1066.

<sup>18</sup> Muslim, *Sahīh Muslim*, Kitāb Īmān, Bāb `an Dalīl Man Māta fī Dīn al-Tawḥīd, Faqad Dakhal al-Jannah, No. 41.

Keempat, roh seorang lelaki.<sup>19</sup>

أَنْ حُذِيفَةَ حَدَّثَهُمْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : تَلَقَّتِ الْمَلَائِكَةُ رُوحٌ  
.....  
رَجُلٌ مِّنْ كَانَ قَبْلَكُمْ

*Diriwayatkan daripada Hudhayfah r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: Para Malaikat akan bertemu dengan roh seorang lelaki dari umat sebelum kamu...*

Di dalam al-Qur'an, kebanyakan ayat menggunakan kalimah *nafs* sebagai mewakili roh manusia. Sementara di dalam Hadith Nabi s.a.w., selain kalimah *al-rūh*, kalimah *nafs* juga merujuk kepada makna roh manusia. Daripada pemerhatian, didapati kalimah *nafs* digunakan apabila dikaitkan dengan badan, dan kalimah *al-rūh* digunakan apabila membicarakan roh ketika keluar daripada jasad.

## PERSOALAN-PERSOALAN BERKENAAN *AL-RŪH*

*Kitāb al-Rūh* hasil karangan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah mengandungi 21 pokok persoalan yang dibincangkan. Daripada kesemua persoalan tersebut, hanya beberapa persoalan yang berkaitan dimasukkan dalam kajian ini yang dirangkumkan kepada tajuk-tajuk kecil berikut:

### Penciptaan Roh Dan Jasad

Dalam bahagian ini, tumpuan kajian adalah terhadap masalah yang ke-17: Adakah roh itu bersifat *qadīmah* (lama) atau *ḥadīthah* (baharu)? Dan masalah yang ke-18: Yang mana satu dicipta dahulu, roh atau jasad? Dalam perkara ini, Ibn al-Qayyim terlebih dahulu membawa kesemua pendapat berserta hujah dan dalil yang digunakan. Kemudiannya, beliau akan menolak semula mana-mana pendapat yang tidak dipersetujuinya dengan dalil atau hujah yang menjadi keyakinan beliau. Beliau turut membawa pendapat guru beliau sendiri iaitu Ibn Taymiyyah dan pendapat para ulama' seperti Muḥammad bin Naṣr al-Mirwāzī, Abū Muḥammad bin Qutaybah, Abū Ishāq bin Shaqillā dan juga Ḥāfiẓ Abū ‘Abd Allāh bin Mandah yang bersepakat mengatakan roh itu makhluk Allah yang bersifat baharu.<sup>20</sup>

<sup>19</sup> Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb Aḥkām, No. 2411.

<sup>20</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn (1999), *Kitāb al-Rūh*, (taḥqīq)

Bagi membuktikan bahawa roh itu ciptaan Allah S.W.T., Ibn al-Qayyim telah membawa 12 dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>21</sup> Di antaranya ialah di dalam ayat Surah al-Fātiḥah. Penjelasan beliau adalah seperti berikut:

- i. Ayat kedua di dalam Surah al-Fātiḥah yang bermaksud: “*Segala puji bagi Allah Tuhan sekelian alam*” menunjukkan bahawa roh juga termasuk di dalam alam yang dimaksudkan tersebut.<sup>22</sup>
- ii. Ikrar yang dilafazkan di dalam ayat kelima: “*Hanya kepadaMu kami abdikan diri dan hanya kepadaMulah kami mohon pertolongan*” membuktikan bahawa manusia (yang diwakilkan dengan perkataan “kami”) yang terdiri daripada roh dan jasad adalah makhluk Allah S.W.T.. Seandainya roh manusia bukan makhluk, maka sepatutnya roh itu yang disembah dan menjadi tempat meminta pertolongan.<sup>23</sup>
- iii. Roh tersebut perlukan hidayah Penciptanya dan kepada Tuhannya ia meminta supaya ditunjukkan jalan yang lurus (benar).<sup>24</sup>
- iv. Ciri-ciri roh yang menerima nikmat, dikasihi, dimurkai, sesat dan menderita adalah ciri-ciri makhluk yang dikuasai dan dimiliki.<sup>25</sup>

Beliau juga mengemukakan Hadith riwayat Abū Hurayrah daripada *Sahīh al-Bukhārī* yang maksudnya:<sup>26</sup>

*Roh-roh itu ibarat pasukan tentera yang dilengkapi dengan kelengkapan, mana-mana roh yang seangkatan mereka akan bersekutu dan mana-mana yang tidak sekutu mereka akan berselisih.*

Kata-kata “*pasukan tentera yang dilengkapi*” bagi beliau membawa maksud bahawa roh itu makhluk. Beliau turut membawa ayat berikut yang bermaksud:<sup>27</sup>

*Dan mereka bertanya kepada mu tentang roh. Katakan: “Roh itu dari perkara urusan TuhanKu; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja”.*

---

<sup>21</sup> Tamīr, Muḥammad Muḥammad, Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth, h. 180.

<sup>22</sup> *Ibid.*, h. 182-184.

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 182-183.

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 183

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> al-Bukhārī, *Sahīh Muslim*, Kitāb Ahādīth al-Anbiyā’, Bāb al-Arwāḥ Junūd Mujannadah, No. Hadith: 3436.

<sup>27</sup> Surah al-Isrā’ 17:85.

Ibn al-Qayyim menyatakan bahawa ayat 85, Surah al-Isrā' inilah yang menjadi perselisihan antara ulama' salaf dan khalaf. Para ulama' salaf menafikan *al-rūh* tersebut sebagai roh bani Ādam, tetapi merujuk kepada malaikat yang dibangkitkan di hari kiamat nanti. Bagi Ibn al-Qayyim, maksud *al-rūh* di dalam ayat tersebut adalah merujuk kepada al-Qur'an. Bagi menjelaskannya lagi beliau membawa Hadith Nabi s.a.w. daripada 'Alqamah yang diriwayatkannya daripada 'Abd Allāh, kata beliau:<sup>28</sup>

*Ketika kami berjalan-jalan bersama Rasulullah s.a.w. di sekitar Madinah, dan Baginda [ketika itu] bertongkatkan pelepah [tamar]. Lalu, kami menempuh satu kumpulan Yahudi. Sebahagian mereka berkata kepada yang lain: Tanyalah kepadanya tentang al-rūh. Sementara, sebahagian yang lain pula berkata: Jangan kamu tanya kepadanya, kemungkinan nanti dia memberikan jawapan yang kamu tidak suka. Kata sebahagian yang lain: Kita tanya kepadanya. Lalu, bangunlah seorang lelaki dan berkata: Wahai Abū al-Qāsim, apakah itu al-ruh? Rasulullah s.a.w. berdiam diri, maka ketahuilah aku bahawa Baginda sedang menerima wahyu, Baginda bersabda [dengan ayat]: (Dan mereka bertanya kepadamu wahai Muhammad tentang roh. Katakanlah: Roh itu termasuk dalam urusan Tuhanmu dan kamu hanya diberi sedikit sahaja ilmu pengetahuan).*

Menurut Ibn Qayyim, orang Yahudi tersebut bertanyakan sesuatu perkara yang tidak diketahui melainkan melalui wahyu iaitu al-Qur'an kerana al-Qur'an itulah *al-rūh* di sisi Allah yang manusia tidak ketahui. Beliau berpendapat *al-rūh* yang dimaksudkan itu bukan roh manusia kerana persoalan roh manusia telah diperkatakan dan dibincangkan oleh banyak agama. Oleh itu, roh manusia bukan termasuk di dalam perkara ghaib dan bukan pula dengan menjawab pertanyaan tentang roh manusia tersebut menjadi di antara tanda-tanda kenabian.<sup>29</sup>

Seterusnya, beliau mempersoalkan kesahihan Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ḥusayn bin Muḥammad bin Ibrāhīm yang *tariqnya* sampai kepada al-Sūdī yang dikatakan merupakan tafsiran al-Sūdī sendiri terhadap apa yang diterimanya daripada Abū Mālik. Di dalam Hadith tersebut ada disebutkan

<sup>28</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999), *op.cit.*, al-Bukhārī, *Sahīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-'Ilm, Bāb Firmān Allāh: (wa mā ūtītum min al-'ilm illā qalīlā), No. Hadith: 125.

<sup>29</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999), *op.cit..*

bahawa tempat berlakunya peristiwa itu adalah di Mekah dan ini betentangan dengan kebanyakan Hadith lain yang lebih berautoriti.<sup>30</sup>

Ibn Qayyim turut menjelaskan bahawa kandungan Hadith yang menyebut bahawa orang-orang Yahudi bertanyakan tentang *al-rūh* yang berada di dalam badan manusia bertentangan dengan qiraat ‘Abd Allāh yang diriwayatkan oleh Jarīr bin `Abd al-Hāmid dan al-Mughīrah yang mendakwa bahawa di dalam kitab Taurat hanya disebut: “*al-rūh min amr Allāh ‘Azzā wa Jallā*”. Bagi menolak hujah tersebut, Ibn al-Qayyim telah membawa enam riwayat Hadith<sup>31</sup> yang disebut kalimah *al-rūh* tanpa sebarang penerangan sama ada yang dimaksudkan itu roh manusia atau sebagainya. Salah satu daripada riwayat tersebut ialah daripada *tariq* Ibn Mandah yang diriwayatkan daripada ‘Abd al-Salām bin Ḥarb, daripada Khusayf, daripada Mujāhid dan daripada Ibn ‘Abbās ketika mentafsirkan ayat 85, Surah al-Isrā’ yang disebutkan bahawa di antara empat perkara yang tidak ditafsirkan oleh beliau ialah kalimah *al-rūh*.<sup>32</sup>

Manakala bagi persoalan yang ke-18 iaitu: Yang mana satu dicipta dahulu, roh atau jasad? Ibn Qayyim menukilkan pendapat Ibn Taymiyyah yang menjelaskan bahawa terdapat dua pendapat yang termasyhur,<sup>33</sup> iaitu pendapat yang mengatakan bahawa roh itu dicipta terlebih dahulu sebelum badan; dan pendapat yang mengatakan sebaliknya. Ibn al-Qayyim lebih cenderung kepada pendapat yang kedua, iaitu roh dicipta selepas tersedianya jasad.

Menurut Ibn al-Qayyim, seandainya roh itu wujud sebelum badan dan menjadi saksi sebagaimana yang dikatakan oleh sebahagian pentafsir, tentulah roh itu sudah matang ketika ditiupkan ke dalam badan. Tetapi sebaliknya yang berlaku ialah seperti firman Allah S.W.T.:<sup>34</sup>

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أَمَهَتُكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا

*Dan Allah mengeluarkanmu dari perut-perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui apa-apa.*

Berdasarkan Hadith saih yang menyebutkan tentang penciptaan manusia di dalam perut, disebutkan “*thumma yursil ilayh fayanfukh fīhi al-rūh*” yang bermaksud: “Kemudian Allah mengutuskan malaikat dan (malaikat itu)

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 188.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 188-190.

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 189.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 194.

<sup>34</sup> Surah al-Nahl 16:78.

*meniupkan roh di dalam [badan]nya.*” Tidak pula dikatakan: “Diutuskan malaikat bersama-sama roh lalu dimasukkan ke dalam badannya”. Ini kerana terdapat perbezaan makna pada kedua-dua ungkapan ini. Bagi ungkapan pertama, menunjukkan roh itu baru dijadikan apabila dikatakan roh ditiup ke dalam badan, sementara bagi ungkapan kedua menunjukkan bahawa roh itu telah lama dijadikan.<sup>35</sup>

## Keabadian Roh

Bagi persoalan ini, masalah ke 4 menjadi tumpuan, iaitu: Adakah roh yang mati atau badan sahaja yang mati? Ibn al-Qayyim menyatakan maksud kematian ialah perpisahan dan keluarnya roh daripada jasad. Beliau turut menyatakan bahawa roh itu dikekalkan Allah S.W.T. untuk merasai nikmat atau azab pada alam selepas dunia.<sup>36</sup> Bagi pendapat yang mentafsirkan ayat 68, Surah al-Zumar yang maksudnya: “*Lalu ditiup pada sangkakala, maka pengsanlah segala yanag ada di langit dan di bumi kecuali siapa yang dikehendaki Allah*” dengan Hadith sahih riwayat al-Bukhārī yang bermaksud:<sup>37</sup>

*Sesungguhnya semua manusia pengsan pada hari kiamat, maka akulah [Nabi Muhammad s.a.w.] orang pertama yang sedar; dan ketika itu didapati Nabi Mūsā a.s. sedang memegang tiang ‘arasy, dan aku tidak tahu sama ada dia [Nabi Mūsā a.s.] telah terlebih dahulu sebelumku atau dibalas dengan pengsan di Tursina.*

Ibn al-Qayyim tidak bersetuju dengan pendapat yang menyatakan bahawa semua manusia pengsan, kerana Rasulullah s.a.w. sendiri tidak dapat memastikan sama ada Nabi Mūsā pengsan ataupun tidak. Maka, berdasarkan Hadith ini menunjukkan bahawa semua roh akan mati ketika tiupan sangkakala yang pertama bagi roh yang belum merasai mati, tetapi bagi yang sudah merasai mati, ayat tersebut tidak pula menunjukkan bahawa akan berlaku kematian kali kedua.<sup>38</sup>

Bagi ayat yang bermaksud: “*kecuali siapa yang dikehendaki Allah*” dinyatakan tentang pengecualian yang dimaksudkan di sini ialah

<sup>35</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999), *op.cit.*, h. 215.

<sup>36</sup> *Ibid.*, h. 45.

<sup>37</sup> Al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Khusūmāt, Bāb mā yudhkar fī al-Ashkhāṣ wa al-Khusūmah bayn al-Muslim wa al-Yahūd, No. Hadith: 2412; Muslim, *Sahīh Muslim*, Kitāb al-Faḍā’il, Bāb Faḍā’il Mūsā, No. Hadith: 2373.

<sup>38</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999), *op.cit.*, h. 48

pengecualian daripada pengsan akibat tiupan sangkakala dan bukannya disebabkan hari kiamat.<sup>39</sup>

Di penghujung penjelasan, Ibn al-Qayyim menyatakan tentang pandangan beliau mengenai maksud sebenar bagi pengsan di dalam Hadith tersebut adalah pengsan disebabkan Allah S.W.T. menzahirkan diriNya di hadapan makhluk pada hari kiamat untuk membuat pengadilan dan bukannya pengsan yang disebabkan tiupan sangkakala. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “*Aku tidak tahu sama ada Mūsā a.s. itu telah sedar terlebih dahulu atau dia [Nabi Mūsā a.s.] dibalasi dengan pengsan di Tursina.*”<sup>40</sup>

Menurut Ibn al-Qayyim lagi, sekiranya Nabi Mūsā a.s. tidak pengsan pada ketika itu, maka itu adalah kerana Baginda pernah pengsan sekali ketika di Tursina apabila Baginda meminta Allah S.W.T. menzahirkan diriNya. Dengan ini, terbatallah pendapat yang mengatakan bahawa Hadith ini menunjukkan berlakunya kematian roh.<sup>41</sup>

## **Hubungan Roh Dengan Jasad Ketika Kematian Dan Selepasnya**

Tumpuan perbincangan ialah kepada masalah yang ke 5: Bahawa roh sesudah berpisah daripada badan ia akan dibezaikan dengan sesuatu yang membezakan di antara mereka sehingga mereka dapat berkenalan dan bertemu; dan adakah pada ketika ini roh tersebut mempunyai jasad seperti jasadnya sebelum ini ataupun bagaimana? Bahagian ini juga turut membincangkan masalah yang ke 6: Adakah roh itu dikembalikan semula ke dalam badan mayat ketika berlaku soal jawab di dalam kubur?

Menurut Ibn Qayyim, terdapat lebih daripada seratus dalil yang menceritakan perihal roh bagi masalah yang kelima.<sup>42</sup> Nabi s.a.w. memberitahu tentang tempat kembali roh yang baik ialah di ‘Illiyyīn dan tempat kembali roh yang jahat ialah di Sijjin. Baginda juga menceritakan bahawa roh para syuhada’ ditempatkan di dalam perut burung hijau<sup>43</sup> melewati sungai-sungai di syurga dan dapat pula menikmati buah-buahan syurga. Sebaliknya yang terjadi kepada roh para pengikut Firaun adalah mereka semua akan dibawa ke neraka setiap pagi dan petang sebelum datangnya hari Kiamat.<sup>44</sup>

<sup>39</sup> *Ibid..*

<sup>40</sup> *Ibid., h.49.*

<sup>41</sup> *Ibid..*

<sup>42</sup> *Ibid., h. 50.*

<sup>43</sup> Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb Faḍā’il al-Jihād, Bāb mā Jā’ fī Thawāb al-Shuhadā’. No. Hadith: 1641.

<sup>44</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999), *op. cit.*, h.51.

Diulas oleh Ibn al-Qayyim, kalau beginilah keadaan roh selepas terpisah daripada badan, maka pastinya perbezaan roh-roh tersebut lebih ketara lagi berbanding ketika berada di dalam badan di alam dunia. Beliau membandingkan perbezaan tersebut di antara tubuh para rasul dan para nabi pilihan Allah S.W.T. ketika di dunia dengan manusia lain.<sup>45</sup> Beliau turut mengaitkan kemampuan firasat seseorang mengenal antara jiwa dengan jiwa yang lain dengan menilai jasadnya.<sup>46</sup>

Bagi menjawab masalah yang keenam, Ibn al-Qayyim mengemukakan Hadith Nabi s.a.w. daripada al-Barrā' bin ‘Azib, kata beliau:<sup>47</sup>

*Ketika itu kami berada bersama-sama jenazah di Perkuburan Baqi' al-Gharqad, lalu Nabi s.a.w. datang kepada kami dan duduk. Maka, kami duduk di samping Baginda [dalam keadaan tenang] seolah-olah ada burung yang hinggap di atas kepala kami dan Baginda ketika itu sedang mengadap liang lahad tersebut, seraya berkata: Aku berlindung diri dengan Allah daripada azab kubur -sebanyak tiga kali-. Kemudian Baginda berkata lagi: Sesungguhnya seorang hamba itu apabila [berada di alam yang] menuju ke arah akhirat..(sehingga akhir Hadith).*

Ibn Qayyim berpandangan bahawa Hadith ini menyebutkan tentang sesi soal jawab di dalam kubur yang mengesahkan pengembalian roh ke dalam badan mayat sesudah mati.<sup>48</sup> Beliau menyimpulkan maksud pengembalian roh di alam kematian yang merupakan alam kehidupan dan keadaan yang lain berbeza dengan alam dunia, bukanlah seperti pengembalian roh ke dalam badan seperti di alam dunia ini.<sup>49</sup>

## Hubungan Roh Orang Mati Dan Orang Hidup

Tumpuan bahagian ini ialah terhadap masalah 1: Adakah orang yang sudah mati mengetahui tentang kunjungan orang hidup dan salam mereka? Kemudiannya perbincangan akan tertumpu kepada masalah ke 3: Adakah roh orang yang hidup dapat bertemu dengan roh orang yang sudah mati ataupun tidak? Seterusnya perbincangan akan diikuti dengan masalah

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 52.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 53.

<sup>47</sup> Abu Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Janā'iz, Bāb al-Julūs ‘ind al-Qabr, No. Hadith: 3212.

<sup>48</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999), *op. cit.*, h. 54.

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 57.

ke-16: Adakah roh orang yang mati itu mendapat manfaat daripada usaha orang yang masih hidup?

Berkenaan masalah pertama, perbincangan dimulakan dengan mengemukakan Hadith Nabi s.a.w.. Di antaranya ialah Hadith daripada *Sahīh al-Bukhārī* dan *Sahīh Muslim*:<sup>50</sup>

يَا فُلَانُ ابْنَ فُلَانِ، وَيَا فُلَانُ ابْنَ فُلَانِ، هَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدْتُمْ بِكُمْ حَقًّا؟ فَإِنْتُمْ  
وَجَدْتُمْ مَا وَعَدْنِي رَبِّي حَقًّا. فَقَالَ لَهُ عُمَرٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا تُخَاطِبُ مِنْ  
أَقْوَامَ قَدْ جَيَّفُوا؟! فَقَالَ: وَالَّذِي بَعَثَنِي بِالْحُقْقِ مَا أَنْتُمْ بِاسْمَعَ لِي أَقُولُ مِنْهُمْ  
وَلَكِنَّهُمْ لَا يَسْتَطِيْعُونَ جَوَابًا

[Rasulullah s.a.w bersabda:] Wahai fulan bin fulan, dan wahai fulan bin fulan, adakah kamu mendapati apa yang dijanjikan oleh Tuhanmu benar? Maka sesungguhnya aku mendapati apa yang dijanjikan Tuhanku benar. Maka ‘Umar berkata kepada Baginda: Wahai Rasulullah kenapa engkau bercakap dengan orang-orang yang jasadnya telah mereput. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: Demi yang telah mengutusanku dengan benar, kamu tidak dapat mendengar apa yang aku katakan kepada mereka seperti mereka mendengarnya tetapi mereka tidak dapat menjawabnya.

Selain Hadith ini, terdapat Hadith lain yang juga menguatkan bahawa orang yang telah mati boleh mengetahui kunjungan orang hidup dan salam mereka. Bahkan, Rasulullah s.a.w. dan ijmak para salaf menyuruh supaya memberi salam ketika melalui kubur.<sup>51</sup>

Manakala dalam masalah ketiga pula, Ibn al-Qayyim menyatakan bahawa dalil-dalil berkenaan persoalan tersebut adalah banyak. Beliau membawa banyak Hadith, syair dan juga menyebut mimpi yang pernah dialami oleh individu-individu yang tidak kurang hebatnya sebagai bukti berlakunya pertemuan di antara roh orang mati dan roh orang hidup.<sup>52</sup> Di hujung perbincangan tersebut, beliau menyifatkan orang yang tidak menyetujui bahawa berlakunya pertemuan roh orang mati dengan roh orang hidup adalah orang yang sememangnya berada di bawah kategori sejahil-jahil manusia tentang perihal roh, hukum-hukam berkaitan dan persoalan-persoalannya.<sup>53</sup>

<sup>50</sup> Al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Qatl Abī Jahal, No. Hadith: 3976; Muslim, *Sahīh Muslim*, Kitāb al-Jannah wa Na‘imuhā, Bāb ‘Arḍ Maq‘ad al-Mayyīt fī al-Jannah, No. Hadith: 2975.

<sup>51</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999), *op. cit.*, h. 9.

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 29-38.

<sup>53</sup> *Ibid.*, h. 44.

Bagi persoalan berikutnya iaitu di dalam masalah ke-16, Ibn al-Qayyim membawa ijmak Ahl al-Sunnah daripada para fuqaha' dan ahli Hadith dan tafsir. Beliau cenderung mengatakan bahawa si mati mendapat manfaat daripada usaha orang yang masih hidup.<sup>54</sup> Manfaat yang diperolehi roh orang yang sudah mati dapat dibahagikan kepada dua keadaan, iaitu:

- i. Hasil tinggalan amalan si mati semasa hidupnya.
- ii. Amalan lain yang disedekahkan kepada si mati seperti doa orang muslimin, sedekah dan juga haji.

Ibn Qayyim menyatakan bahawa jumhur ulama' berpendapat amalan yang sampai kepada si mati ialah pahala amalan.<sup>55</sup> Dalil yang menunjukkan bahawa si mati mendapat manfaat hasil daripada amalan orang yang masih hidup di dunia ialah Hadith di dalam *Sahīh al-Bukhārī* yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbās r.a. bahawa seorang wanita daripada Juhaynah telah datang kepada Rasulullah s.a.w., katanya:<sup>56</sup>

*Sebenarnya ibu saya telah bernazar untuk menuaikan fardhu haji, tetapi dia belum menuaikan haji tersebut sehingga dia meninggal dunia. Maka, bolehkah saya menuaikan fardhu haji tersebut untuknya? Dijawab oleh Rasulullah: Buatlah haji untuknya. Apa pandangamu, sekiranya ibumu berhutang, adakah kamu akan tolong membayarnya? Tunaikanlah hak Allah kerana hak Allah itu lebih perlu ditunaikan.*

Beliau turut menukilkan pendapat Imam al-Shāfi'i<sup>57</sup>, al-Bayhaqī<sup>58</sup> dan para ulama' lain bagi menjawab sekaligus menolak pendapat yang bertentangan dengan beliau. Beliau mengaitkan perbuatan menghadiahkan amalan kepada saudara semuslim dengan Hadith yang menyebut "perumpamaan hubungan antara seorang muslim dengan muslim yang lain ibarat sebuah bangunan yang kukuh".<sup>59</sup> Disebut juga Hadith daripada sabda Rasulullah s.a.w. kepada 'Amrū bin 'Abbās<sup>60</sup>, iaitu:<sup>61</sup>

*Sesungguhnya bapa kamu sekiranya beriman ia akan menguntungkannya.*

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 147.

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> Al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Ayman wa al-Nudhur, Bāb man Māta wa 'alayh Nadhr, No. Hadith: 6698.

<sup>57</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999), *op. cit.*, h. 157.

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 173.

<sup>59</sup> *Ibid.*, h. 161.

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 162.

<sup>61</sup> Ahmad Ibn Ḥanbal, *Musnad*, Juz.4, No. Hadith:19641.

## Pertemuan Roh-Roh Sesudah Mati

Persoalan ini merujuk kepada masalah ke 2: Adakah roh orang mati itu saling bertemu, berziarah dan ingat-mengingati? Ibn al-Qayyim membahagikan roh orang mati kepada dua kumpulan iaitu roh yang diazab dan roh yang mendapat nikmat. Beliau mengkhususkan persoalan ini kepada roh yang mendapat nikmat kerana roh yang diazab tidak akan ada ruang untuk bertemu, berziarah dan sebagainya kerana sibuk menghadapi azab Allah S.W.T.. Ayat al-Qur'an yang dikaitkan tentang perkara ini ialah:<sup>62</sup>

وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّنَ وَالصَّدِيقِينَ  
وَالشَّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أَوْلَانِكَ رَفِيقًا

*Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul, maka mereka itulah yang akan berada bersama-sama mereka yang dikurniakan nikmat daripada kalangan para nabi, para siddiqin, para shuhada' dan para sahibin, dan mereka itulah teman-teman yang baik.*

Di dalam Hadith Isrā' disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bertukar-tukar pendapat dengan Nabi Ibrāhīm, Nabi Mūsā dan Nabi 'Isā a.s. tentang peristiwa kiamat.<sup>63</sup> Maksud Hadith:<sup>64</sup>

*Tatkala Nabi Muhammad isra', Baginda bertemu dengan Nabi Ibrāhīm, Nabi Mūsā dan Nabi 'Isā ṣalawāt Allāh wa salāmun 'alayhim ajma'iñ... (hingga akhir Hadith)*

Beliau turut menyatakan tentang ayat al-Qur'an yang menceritakan perihal para syuhada' yang hidup bersenang-lenang di sisi Allah.<sup>65</sup> Dimasukkan juga di dalam perbincangan ini tentang pelbagai kisah mimpi yang dialami oleh individu-individu terpilih seperti mimpi Ṣalīḥ bin Bashīr, 'Abd Allāh bin al-Mubārak, Sakhr bin Rashīd<sup>66</sup>, Ibn Abī Dunyā<sup>67</sup> dan lain-lain lagi.

<sup>62</sup> Surah al-Nisa' 3:69.

<sup>63</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999), *op. cit.*, h. 25-26.

<sup>64</sup> Al-Hākim, *al-Mustadrak*, Juz. 2, h. 416, No. Hadith: 3448 ; Juz. 4, h. 534.

<sup>65</sup> Surah Āli 'Imrān 4:169-170.

<sup>66</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999), *op. cit.*, h. 26.

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 27.

## Kedudukan Roh Sebelum Berlaku Kiamat

Perbincangan tentang topik ini adalah dalam masalah ke-15: Di manakah roh itu berada sebelum kiamat? Adakah roh itu berada di langit ataupun di bumi? Adakah roh itu berada di syurga ataupun tidak? Adakah roh itu dikembalikan kepada jasad lain yang mana dengannya roh mendapat nikmat atau sengsara, ataupun roh itu terasing sendiri? Persoalan-persoalan yang dikemukakan ini dibincangkan dengan panjang lebar oleh Ibn Qayyim di dalam *Kitab al-Ruh*nya ini. Beliau mengemukakan firman Allah S.W.T.:<sup>68</sup>

فَأَصْحَبُ الْمُيَمَّنَةِ مَا أَصْحَبُ الْمُيَمَّنَةِ، وَأَصْحَبُ الْمُشْتَمَةِ مَا أَصْحَبُ الْمُشْتَمَةِ.  
وَالسَّبِقُونَ السَّبِقُونَ، أُولَئِكَ الْمُقْرَبُونَ. فِي جَنَّتِ النَّعِيمِ ثُلَّةٌ مِّنَ الْأَوَّلِينَ.  
وَقَلِيلٌ مِّنَ الْآخَرِينَ

*Iaitu puak pihak kanan; alangkah bahagianya keadaan puak pihak kanan itu? Dan puak pihak kiri; alangkah seksanya keadaan puak pihak kiri itu? Dan [puak yang ketiga pula ialah] orang-orang yang telah mendahului [dalam mengerjakan kebaikan di dunia], yang akan mendahului [mencapai balasan yang sebaik-baiknya di akhirat kelak]. Mereka itulah orang-orang yang di dampingkan [di sisi Allah]. [Di antaranya] sekumpulan besar daripada umat-umat manusia yang terdahulu. Dan sebilangan kecil daripada orang-orang yang datang kemudian.*

Firman Allah lagi:<sup>69</sup>

فَإِنْ كَانَ مِنَ الْمُقْرَبِينَ، فَرُوحٌ وَرِحْمٌ وَجَنَّتٌ نَعِيمٌ، وَإِنْ كَانَ مِنْ أَصْحَابِ  
الْبَيْنَ، فَسَلَامٌ لَكَ مِنْ أَصْحَابِ الْبَيْنَ، وَإِنْ كَانَ مِنَ الْمُكَذِّبِينَ الظَّالِمِينَ.  
فَنَزَلُوا مِنْ حَمِيمٍ، وَتَصْلِيَةً جَحِيمٍ

[Kesudahannya]: jika ia [yang mati itu] daripada orang-orang “Muqarrabin”, maka [ia kan beroleh] rehat kesenangan, dan rahmat kesegaran, serta Syurga kenikmatan. Dan jika ia dari puak kanan, maka [akan dikatakan kepadanya]: “Selamat sejahtera kepadamu, [kerana engkau] dari puak kanan.” Dan jika ia dari [puak kiri] yang mendustakan [rasulnya], lagi sesat, maka sambutan yang disediakan baginya adalah dari air panas yang menggelegak, serta bakaran api neraka.

<sup>68</sup> Surah al-Waqi‘ah 56:8-14.

<sup>69</sup> Surah al-Waqi‘ah 56:88-94.

Daripada ayat-ayat ini, Ibn Qayyim menyebut bahawa ada pendapat yang mengatakan bahawa roh manusia itu terbahagi kepada tiga peringkat: Golongan *muqarrabin*, *ashāb al-yamīn* dan *mukadhdhabah dalālah*. Golongan *muqarrabin* tempatnya di dalam syurga, golongan *ashāb al-yamīn* dijamin daripada siksaNya, sementara golongan *mukadhdhabah dalālah* tempatnya di dalam air panas dan bahang neraka Jahannam.<sup>70</sup> Beliau turut membawa pendapat yang dipersetujui oleh para ulama' salaf dan khalaf iaitu roh orang mukmin berada di 'Illiyyīn iaitu di langit ketujuh, sementara roh orang kafir berada di Sijjīn iaitu di lapisan bumi yang ketujuh.<sup>71</sup>

Beliau turut mengemukakan satu pendapat yang menyatakan bahawa roh di alam barzakh berada di tempat-tempat yang sungguh berbeza<sup>72</sup> iaitu;

- i. Roh yang berada di tempat tertinggi di 'Illiyyīn, iaitu roh para nabi.
- ii. Roh yang berada di dalam burung hijau yang berterbangan di dalam syurga, iaitu roh sebahagian para syuhada'.
- iii. Roh yang terperangkap di hadapan pintu syurga.
- iv. Roh yang terperangkap di dalam kubur.
- v. Roh yang tempatnya di pintu syurga.
- vi. Roh yang terperangkap di bumi.
- vii. Roh di dalam sungai darah dan lain-lain lagi.
- viii. Di akhir perbincangan, Ibn al-Qayyim menyimpulkan tidak ada perselisihan makna di antara Hadith-hadith sahih. Malah, Hadith-hadith itu saling kuat-menguatkan antara satu sama lain.<sup>73</sup>

## Roh Dan Jiwa

Tumpuan persoalan adalah kepada masalah ke 20: Adakah *al-rūh* (roh) dan *al-nafs* (jiwa) merupakan perkara yang sama atau berbeza. Merujuk perkara ini, Ibn al-Qayyim menyebutkan bahawa jumhur ulama' berpendapat kedua-duanya adalah sama. Antaranya ialah pendapat al-Jawharī dalam memberi makna kepada salah satu syair di mana terdapat kalimah *al-nafs* yang dikatakan bermaksud diri ('ayn).<sup>74</sup> Walau bagaimanapun, Ibn al-Qayyim lebih cenderung kepada makna *al-rūh*. Oleh itu, maksudnya *al-nafs* itu adalah

<sup>70</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999), *op. cit.*, h. 119.

<sup>71</sup> *Ibid.*, h. 135.

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 144-145.

<sup>73</sup> *Ibid.*, h. 145.

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 262.

*al-rūh*.<sup>75</sup> Beliau membawa dalil daripada ayat al-Qur'an daripada Surah al-Nūr, ayat 61, Surah al-Nāḥl, ayat 111, Surah al-Mudaththir, ayat 38, Surah al-Fajr, ayat 27, Surah al-An'ām, ayat 93 dan Surah Yūsuf, ayat 53. Beliau menyatakan bahawa *al-rūh* dicabut daripada jasad dan menyebabkan kematian ialah *al-nafs*. Sementara kekuatan yang terdapat pada jasad disebut sebagai *al-rūh al-baṣīrah* (kekuatan melihat), *al-rūh al-ṣāmi'* (kekuatan mendengar), *al-rūh al-sham* (kekuatan menghidu) dan sebagainya.<sup>76</sup>

Oleh yang demikian, *al-rūh* menurut Ibn al-Qayyim membawa makna yang luas dan salah satunya ialah *al-rūh* yang merupakan nyawa kepada manusia. Dengan kata lain, *al-nafs* itu *al-rūh*, tetapi *al-rūh* itu tidak semestinya *al-nafs*. Di mana, bila dan bagaimana *al-rūh* itu dijadikan hanya Allah S.W.T. sahaja yang mengetahuimya. Manusia hanya mampu mengetahui serba sedikit tentang makhluk Allah ini berlandaskan nas-nas al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w..

## KESIMPULAN

Apresiasi atau penghargaan kepada para ulama', ilmuan atau tokoh tidak semestinya memerlukan kepada satu kajian yang memakan masa yang panjang. Kadang-kala sudah memadai dengan sebaris syair ataupun puisi pendek. Artikel ini tidak mencukupi untuk membawa pembaca mendekati ulama' dan dunia keilmuan sebenarnya. Apa yang hendak penulis bawakan di sini ialah satu sudut daripada pemikiran dan kepintaran seorang ulama' yang jarang dipertengahkan, khususnya di Malaysia iaitu Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. Beliau dilihat mampu mengaplikasikan pelbagai ilmu yang dimiliki sebaik-baiknya dan ini boleh diteliti daripada hasil karya beliau, iaitu "*Kitāb al-Rūh*".

---

<sup>75</sup> *Ibid.*

<sup>76</sup> *Ibid.*, h. 264.